

UTM ranking ke-68 di Asia

SKUDAI - Universiti Teknologi Malaysia (UTM) memperbaiki kedudukannya dalam QS University Ranking Asia 2013 apabila berada pada kedudukan 68 berbanding tangga ke-74 pada tahun lalu.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd. Azrai Kassim (**gambar kecil**) berkata, ia hasil kejayaan dan kecemerlangan UTM dalam bidang penyelidikan, kejuruteraan dan teknologi.

"Kecemerlangan UTM di peringkat Asia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi berjaya dikekalkan untuk tahun kedua berturut-turut.

"UTM juga berada pada kedudukan ke-45




dalam kalangan 50 universiti terkemuka di Asia dalam bidang kejuruteraan dan teknologi, sekali gus mengekalkan rekod pada tahun lalu," kata beliau pada sidang akhbar mengenai pengumuman kedudukan terbaru UTM di rantau Asia di sini semalam.

Mengulas mengenai prestasi membanggakan itu, Mohd. Azrai berkata, peningkatan kedudukan itu memberikan imej positif terhadap UTM, terutamanya dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa ke universiti tersebut.

Untuk rekod, UTM merupakan universiti yang mempunyai paling ramai pelajar luar negara yang belajar dalam pelbagai jurusan.

"Universiti ini juga merupakan universiti yang menghantar paling ramai pelajar menyertai program pertukaran pelajar ke luar negara dan menjadi universiti kedua terbanyak menerima pertukaran pelajar luar negara," katanya.

Justeru, ujar Mohd. Azrai, universiti tersebut akan terus memantapkan bidang



UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENCAPAIAN UTM pada ranking ke-68 universiti terbaik di Asia membanggakan.

penyelidikan serta kemajuan dalam kejuruteraan dan teknologi, sekali gus mengekalkan status universiti berteknologi tinggi di negara ini.

"Kita juga akan bekerja keras untuk meningkatkan pengeluaran dalam penyelidikan khususnya penerbitan berimpak tinggi dalam kalangan pensyarah," ujarnya.

INFO Ranking universiti Malaysia di Asia

- | | |
|---------------------------------------|--|
| Universiti Malaya - 33 | Universiti Kebangsaan Malaysia - 57 |
| Universiti Sains Malaysia - 61 | Universiti Teknologi Malaysia - 68 |
| Universiti Putra Malaysia - 72 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia - 156 |
| Universiti Malaysia Sarawak - 181-190 | Universiti Multimedia - 201-250 |
| Universiti Teknologi Mara - 201-250 | Universiti Teknologi Petronas - 201-250 |
| Universiti Tenaga Nasional - 201-250 | Universiti Utara Malaysia - 201-250 |
| Universiti Malaysia Perlis - 201-250 | Universiti Malaysia Pahang - 251-300 |
| Universiti Limkokwing - 251-300 | Universiti Malaysia Terengganu - 251-300 |
| Universiti Tun Hussein Onn - 251-300 | |